

06 SEP 2001

LEAD PM-MSK

PM: KELEMBAPAN EKONOMI AS TIDAK MENJEJASKAN MSC

CYBERJAYA, 6 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kelembapan ekonomi AS tidak langsung menjejaskan Koridor Raya Multimedia (MSC) dan ini terbukti dengan peningkatan jumlah syarikat yang melabur dalam industri teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pusat multimedia negara.

Bercakap pada persidangan akhbar pada hari pertama mesyuarat tiga hari Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC kelima di sini, perdana menteri berkata syarikat berstatus MSC kini berjumlah 554, iaitu melebihi sasaran 500 syarikat menjelang tahun 2003.

Daripada jumlah itu (554 syarikat), 46 ialah syarikat bertaraf dunia.

Perdana menteri berkata permintaan untuk ruang dan kemudahan komunikasi dalam bandar pintar MSC Cyberjaya juga turut meningkat dan kerajaan kini membuat peruntukan untuk memenuhi keperluan-keperluan berkenaan.

"Pelaburan mengalir masuk. Tidak dinafikan yang sesetengah pelaburan itu, malah oleh syarikat-syarikat besar agak kecil, tetapi ada juga syarikat-syarikat besar yang telah memilih MSC untuk menjadi pusat bagi operasi mereka seluruh dunia," kata Dr Mahathir ketika ditanya mengenai implikasi kelembapan ekonomi AS ke atas MSC.

Contohnya Shell, kata Perdana Menteri yang mempunyai tiga pusat di dunia iaitu di Hague, Houston dan pusat ketiga, yang juga pusat terbesar iaitu di MSC.

MSC meliputi kawasan seluas 750 km persegi dari Kuala Lumpur hingga ke Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang yang telah dikenal pasti sebagai pusat untuk pembangunan ICT dan produk dan perkhidmatan multimedia.

Menjelaskan dengan lebih lanjut kesan kelembapan ekonomi AS, Dr Mahathir berkata sudah sedia maklum yang situasi kelembapan ini menyebabkan kekurangan aliran masuk pelaburan asing langsung ke Malaysia tetapi lain-lain negara di rantau ini turut mengalami situasi yang sama.

"Kita merupakan negara pengepport terbesar ke AS dan ini bermakna ia turut menjejaskan ekonomi kita, dan jika ia menjejaskan ekonomi kita, ia bermakna pelaburan yang dilakukan oleh pelabur di negara ini tidak begitu menguntungkan, yang sebaliknya akan membelanjakan wang sama ada pada pelaburan baru ataupun memperkembangkan perniagaan mereka," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata MSC juga telah menarik minat negara-negara lain di dunia ini.

Contohnya, Syria telah melantik Malaysia sebagai perunding bagi projek yang sama yang dikendalikan di negara Asia Barat.

Dr Mahathir berkata lain-lain negara seperti Bahrain, Jordan dan Singapura juga berminat untuk mendalami aplikasi-aplikasi multimedia Malaysia yang lain seperti "kad pintar".

Ada beberapa pihak lain turut melahirkan minat terhadap passport elektronik negara, kata beliau yang tidak mendedahkan identiti pihak-pihak berkenaan.

"Jadi, jelas sekali kita melakukan sesuatu yang betul," tambah beliau.

Pada permulaan persidangan media, Dr Mahathir memberikan gambaran keseluruhan mengenai perjalanan mesyuarat hari ini.

Malam ini, perdana menteri menganjurkan makan malam untuk delegasi MSC-IAP di Seri Perdana, kediaman rasmi beliau yang terletak berhampiran Putrajaya, pusat pentadbiran baru negara. -- BERNAMA

MAM FR SHY AA

